

DAP, AMANAH

setuju Tun M jadi PM

BH - 20/6/2020 mlb: 15

Kuala Lumpur: DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH) mahukan cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri Pakatan Harapan (PH) diteruskan.

Dalam kenyataan bersama dikeluarkan dua parti itu, mereka menjelaskan ia perlu diteruskan memandangkan Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.

Kenyataan itu berkata, Anwar hanya mampu mendapat sokongan maksimum 96 Ahli Parlimen, sementara usaha Presiden PKR untuk menarik sokongan daripada Ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) juga tidak berjaya.

"Usaha terakhir Anwar untuk mendapatkan sokongan GPS juga tidak berjaya dan tempoh masa yang dipersetujui telahpun tamat dan gagal mendapat sokongan mencukupi," kata kenyataan itu di sini, semalam.

Kenyataan bersama itu memetik Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Loke Siew Fook dan Pengarah Komunikasi AMA-

NAH, Khalid Samad.

Kenyataan itu menjelaskan PH dalam mesyuarat Majlis Presiden PH berlangsung pada 30 Mei memersetujui dua opsyen dalam usaha mengambil alih kerajaan, dengan opsyen pertama menamakan Anwar sebagai Perdana Menteri.

Katanya, opsyen kedua pula bersejua menamakan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, sementara timbalannya akan disandang oleh Anwar.

"Kami berharap usaha untuk mendapatkan sokongan melalui opsyen kedua boleh dilakukan seperti dipersetujui kerana pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional (PN) adalah jelas mendatangkan kerosakan kepada institusi dan kewangan negara.

"Memandangkan ia opsyen yang pernah dibincang dan dipersetujui untuk dipertimbangkan bersama, sekiranya opsyen satu gagal mendapat sokongan mencukupi, diharapkan PKR kembali kepada keputusan mesyuarat Majlis Presiden pada 30 Mei yang dipengerusikan Anwar sendiri, iaitu menerima opsyen kedua," katanya.